


ISLAM

dan

Sosialisme



Bermula dengan pembacaan buku berjudul *Agama Lawan Agama* yang menghimpunkan ucapan Ali Shariati, ahli pemikir Iran pada dekad 70-an. Maka timbul rasa ingin tahu saya tentang apakah yang menjadi garis perbezaan antara sosialisme dari sudut pandang Barat dengan sosialisme yang berakar daripada kepercayaan terhadap Tuhan.

Secara rambang, saya mendapati bahawa kebanyakan buku di pasaran menumpu pada persoalan sosialisme yang ditakrif berdasarkan pandangan Barat, yang pada hipotesis saya lahir pada era Perang Dingin Amerika Syarikat - Kesatuan Soviet. Saya tidak dapat mengabaikan kata-kata, "sejarah ditulis oleh orang-orang yang menang" dalam hal ini.

Bertitik tolak dari sini, saya berfikirannya sekiranya ada sebuah buku lain yang boleh dijadikan pendoman dan pencerahan berkaitan dengan sosialisme Islam dan melihat kedudukan antara garis pemisah dengan sosialisme lain, terutama sosialisme anjuran Karl Marx yang terkenal dengan slogan agama itu candu masyarakat.

"Dihapuskannya agama sebagai kesenangan berdasarkan khayal adalah perlu bagi kesenangan mereka sebenarnya."

Maka dari sini, saya beranggapan bahawa buku *Islam dan Sosialisme* tulisan Profesor Dr. Syed Hussein Alatas sebagai rujukan pemula bagi mendapatkan pencerahan tentang pandangan Islam terhadap sosialisme.

Ibarat "ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi", saya kira agak menyenangkan apabila prakata oleh Syed Farid Alatas, profesor dari Jabatan Sosiologi Universiti Kebangsaan

Singapura, iaitu waris kepada Profesor Syed Hussein sendiri. Melalui kata pendahuluan ini, kita dapat menelusur secara ringkas tentang apakah itu sosialisme menurut pandangan Profesor Syed Hussein dan perkaitannya serta perbezaan dengan sosialisme Marxisme. Ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

"Sosialisme itu sudah ada dalam Islam, dalam erti bahawa Islam sememangnya bersifat sosialis. Pada umumnya, tiada pertentangan antara Islam dengan Sosialisme. Yang ditentang Islam ialah sosialisme tertentu. Di sini kita perlu membezakan antara sosialisme beragama dengan sosialisme tidak beragama."

(*Islam dan Sosialisme*, 2020: VIII)

Dari sudut pandang saya, petikan ini memberikan gambaran jelas tentang keseluruhan buku ini, iaitu Profesor Syed Hussein memberikan pencerahan tentang perbezaan di antara sosialisme beragama yang selari dengan Islam, dan sosialisme tidak beragama anjuran Karl Marx.

Menurut beliau, hal ini selari dengan tokoh reformis pemikiran Islam antaranya seperti Syed Jamaluddin Afghani dan Raden Mas Haji Omar Said Tjokroaminoto. Islam itu sudah ada dalam Islam, dan tidak wujud

pertentangan di antara kedua-duanya. Yang ada ialah pertentangan antara Islam dengan beberapa jenis sosialisme, sebagaimana sosialisme Marxisme.

Saya tertarik dengan huraian ringkas tentang bagaimana sosialisme itu sebenarnya selari dengan Islam. Mengambil satu ciri sosialisme di halaman 16 buku ini, iaitu "bertindak atas dasar kemanusiaan dengan tiada memandang keturunan, pangkat, jantina atau agama", yang mana pada baris ayat berikutnya di halaman yang sama, Profesor Syed Hussein berkongsi tentang kisah surat daripada Saidina Ali Ibn Abu Talib (602-661 Masihi) kepada Malik Al-Ashtar yang pada masa itu baru dilantik sebagai gabenor Mesir. Saidina Ali menitipkan pesan agar tidak membezakan antara orang Islam dengan bukan Islam dalam hal menolong atau menghukum mereka.

Satu lagi contoh berkaitan dengan ciri sosialisme ialah di halaman 17 berkenaan dengan pemilikan dan penguasaan keperluan hidup manusia dan alat produksinya yang seharusnya dikuasai dan diselenggara oleh negara atau syarikat kerjasama. Yang dimaksudkan di sini ialah keperluan seperti sumber alam. Profesor Syed Hussein sekali lagi mengambil contoh daripada surat berkenaan yang melarang Malik Al-Ashtar memberikan kuasa atas tanah atau sumber air yang menjadi kepentingan umum kepada orang perseorangan, terutamanya kepada kawan dan keluarganya. Sekiranya mereka diberikan kuasa ini, dibimbangi akan menindas orang lain bagi mendapatkan keuntungan.

Sebenarnya banyak lagi ciri-ciri sosialisme yang terkandung dalam buku ini, namun memadai dengan dua ciri dan contoh yang dinyatakan tadi. Di sini saya terfikir, andai sahaja tersebut bukan dinamakan sebagai "sosialisme", adakah ciri tersebut mudah diterima oleh orang awam? Hal ini kerana pada akhirnya,

Berdasarkan persoalan tersebut, sosialisme Islam yang di hujung tujuannya ialah keadilan dan nilai kebaikan yang datang dari Barat (selain daripada sains dan teknologi), saya melihat terdapat desakan daripada Profesor Syed Hussein agar umat Islam tidak seharusnya terus berada dalam situasi selesa. Sebaliknya terus menggali apakah nilai yang dapat dicontoh agar keadilan dan kesejahteraan masyarakat terbela walaupun mungkin terdapat pertentangan dengan pemahaman kita selama ini.

sosialisme seperti yang diterangkan oleh Profesor Syed Hussein, memberat ke arah keadilan terhadap masyarakat, terutamanya golongan atau kelas yang terdedah kepada penindasan.


Dalam meneliti halaman demi halaman buku ini, saya juga tertarik dengan apa-apa yang saya kira kritikan Profesor Syed Hussein berkenaan dengan sikap sesetengah masyarakat yang beranggapan, tidak banyak yang perlu dipelajari dari Barat kecuali sains dan teknologi. Ini tertera melalui petikan berikut:

"Siapa yang mengatakan bahawa yang berguna dari Barat bagi kita umat Islam hanyalah sains dan teknologi, walaupun niatnya itu baik, sebenarnya membawa umat Islam ke arah kemunduran dan perhambaan."

(Islam dan Sosialisme: 2020:32)

Kritikan ini ditujukan kepada segelintir masyarakat yang pada anggapan Profesor Syed Hussein menolak sepenuhnya nilai murni tertentu hanya kerana datang dari Barat. Lebih daripada itu, Profesor Syed Hussein menganjurkan agar nilai dicontoh dan dipraktikkan bagi membangunkan masyarakat yang lebih baik. Antara contoh yang diketengahkan ialah perihal *whistle blowing* bagi mendedahkan salah laku seperti rasuah, penipuan atau sesuatu tindakan yang membahayakan organisasi dan masyarakat. Ini jauh lebih penting daripada sains dan teknologi.

Berdasarkan persoalan tersebut, sosialisme Islam yang di hujung tujuannya ialah keadilan dan nilai kebaikan yang datang dari Barat (selain daripada sains dan teknologi), saya melihat terdapat desakan daripada Profesor Syed Hussein agar umat Islam tidak seharusnya terus berada dalam situasi selesa. Sebaliknya



terus menggali apakah nilai yang dapat dicontoh agar keadilan dan kesejahteraan masyarakat terbela walaupun mungkin terdapat pertentangan dengan pemahaman kita selama ini.

Yang saya dapat usai menamatkan pembacaan buku ini ialah pencerahan berkaitan dengan sosialisme Islam sedikit sebanyak membantu memperluas pengetahuan tentang cabang penting dalam sosialisme, iaitu Islam sebagai akar kepada keadilan dan bukan sesuatu yang asing. Sebagai buku pemula tulisan Profesor Syed Hussein ini, saya berpandangan bahawa buku ini sesuai dibaca oleh khayalak dengan gaya bahasa yang mudah, tanpa perlu terheret terlalu dalam tentang sosialisme.

Biarpun kecil, namun buku ini sarat dengan pencerahan yang mampu membuatkan kita berasa ingin memiliki buku lain yang membawakan tema yang sama sebagai perbandingan.

Saya percaya bahawa kita tidak harus menerima bulat-bulat sesuatu "-isme" hanya kerana benuansa Islamik. Namun mengingatkan Profesor Dr. Syed Hussein Alatas sebagai penulis buku ini, maka saya lebih senang andai kritikan tentang buku ini berlandaskan ilmu pengetahuan yang seimbang dan tidak secara semberono. Dari manakah sumber ilmu ini boleh diperolehi? Antaranya melalui amalan membaca secara berterusan.

- Iqbal Imaluddin

Persoalan terpenting ialah adakah kita harus menolak sosialisme walaupun secara prinsipnya kita tidak menolak sosialisme Islam? Ini persoalan yang kompleks kerana saya berpandangan sosialisme merupakan topik yang tabu untuk dibincangkan secara terbuka oleh orang awam yang tidak begitu terdedah dengan ideologi atau *isme-isme*. Tentunya sebagai individu kita mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Jadi saya mengambil pendirian jujur bahawa setakat pembacaan buku ini, saya selesa dengan keberadaan sosialisme Islam.

Adakah persoalan berkaitan dengan sosialisme Islam ini boleh dikritik dalam kalangan masyarakat? Bagi saya tiada masalah kerana mengkritik kembali pandangan ini juga merupakan satu bentuk keadilan dan timbang tara kepada kita yang berfikir. Saya percaya bahawa kita tidak harus menerima bulat-bulat sesuatu "-isme" hanya kerana benuansa Islamik. Namun mengingatkan Profesor Dr. Syed Hussein Alatas sebagai penulis buku ini, maka saya lebih senang andai kritikan tentang buku ini berlandaskan ilmu pengetahuan yang seimbang dan tidak secara semberono. Dari manakah sumber ilmu ini boleh diperolehi? Antaranya melalui amalan membaca secara berterusan. -**tr**

